

# BENIH



### **Cetakan 2017**

Hak cipta terpelihara ©2017 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-11-1614-8

### **Diterbitkan oleh:**

Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura  
Lelaman Internet: [www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg](http://www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg)



### **Dicetak pada tahun 2017 oleh:**

Oxford Graphic Printers Pte Ltd  
Tel: 6748 3898  
[www.oxfordgraphic.com.sg](http://www.oxfordgraphic.com.sg)

### **Penulis**

Arfah Buang, Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura  
Hidayat Hamzah, Sekolah Rendah Gan Eng Seng  
Khaziah Yem, Sekolah Rendah Eunus  
Marliana Mohamed Rashid, Sekolah Rendah Telok Kurau  
Rahmat Subadah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

### **Catatan**

Cerita yang terkandung dalam buku ini tiada kaitannya dengan sesiapa baik yang masih hidup atau pun yang sudah meninggal dunia. Pendapat dan pandangan penulis tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

## **Sekapur Sirih**

**Benih** merupakan koleksi cerpen yang dihasilkan oleh kumpulan guru peserta program penyerapan ke Pekanbaru, Riau Indonesia pada tahun 2016. Cerpen-cerpen dihasilkan bagi menggalakkan murid agar minat membaca khususnya dalam kalangan murid Darjah 5 dan 6.

Penyediaan bahan bacaan yang berkualiti amat penting untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid. Melalui bahan bacaan yang luas dan pelbagai, murid mampu meluaskan pengetahuan, kosa kata, dan pandangan mereka tentang kehidupan.

Oleh itu, tema yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen ini pelbagai bagi memenuhi kematangan dan cita rasa murid yang disasarkan. Bahasa yang digunakan pada umumnya mudah difahami. Namun terdapat usaha untuk meluaskan kosa kata murid dengan memperkenalkan beberapa perkataan yang mampu memperkaya kosa kata mereka. Cerpen-cerpen ini juga mengandungi unsur-unsur nilai bagi membina sahsiah, jati diri dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Diharapkan **Benih** akan menjadi pemangkin kepada keinginan untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan murid.

Selamat membaca!

### **Mohamed Noh Daipi**

Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura

## Prakata

Koleksi cerpen ini dihasilkan oleh para guru yang terlibat dalam Program Penyerapan bagi Guru Kanan ke Pekanbaru pada bulan Mei 2016. Projek penulisan cerpen ini dilaksanakan bagi menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan murid.

Pelbagai tema dikupas bagi meningkatkan kesedaran murid tentang kehidupan. Antara tema yang dikupas dan dipersembahkan dalam bentuk cerpen ini termasuklah tema persahabatan, kejujuran, perjuangan, berbuat baik, sikap tidak berputus asa dan kesetiaan.

Beberapa idea pengajaran dan soalan-soalan perbincangan disediakan bagi setiap cerpen untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan murid. Beberapa strategi bagi meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran semasa membaca cerita turut diperkenalkan.

Selain itu, nilai-nilai yang dipaparkan dalam setiap cerpen diharapkan dapat membangun jiwa insan murid-murid kita dan mengukuhkan jati diri mereka sebagai pengguna bahasa Melayu yang berkesan.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dan menjadi bahan bacaan yang menyeronokkan bagi murid.

Rahmat Subadah  
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Ketua projek pembinaan koleksi cerpen **Benih**

# BENIH

Rahmat Subadah

Petang itu, lapan murid Darjah 5 Harum berkumpul di bilik darjah. Cikgu Halim mahu berjumpa mereka. Katanya, ada mesyuarat penting. Mereka tertanya-tanya. Ada yang berasa tidak sedap hati. Ada pula yang **menyebarkan** berita bahawa Cikgu Halim marah. Mesyuarat itu merupakan cara bagi Cikgu Halim untuk **menghukum** mereka.

Bilik yang bising itu senyap sebaik-baik sahaja Cikgu Halim masuk.

“Selamat petang semua. Seperti yang kamu tahu, kita perlu melantik seorang ketua darjah yang baharu. Kamu berlapan adalah antara murid yang layak menjadi ketua darjah.”

“Cikgu akan memberikan beberapa biji benih kepada kamu hari ini. Benih ini sangat istimewa. Cikgu mendapatkan benih-benih ini di Pekanbaru, Indonesia semasa mengikuti program penyerapan di sana pada bulan Mac yang lalu. Benih-benih ini perlu ditanam, disiram dan dijaga dengan baik. Selepas cuti sebulan, kita akan bertemu lagi pada awal bulan Julai. Kamu semua perlu membawa kembali benih yang Cikgu berikan. Cikgu akan menilai hasil kerja kamu dan akan melantik seorang murid sebagai ketua darjah.”

Suasana bilik darjah menjadi bising semula sebaik-baik sahaja Cikgu Halim meninggalkan kelas. Kedengaran beberapa orang murid menyuarakan pandangan. Ada yang mengatakan bahawa menanam benih pokok merupakan perkara yang mudah. Ada pula yang mengatakan ibu bapa mereka boleh membantu mereka memastikan benih yang diberikan oleh Cikgu Halim tumbuh **subur**. Ada murid yang mengatakan bahawa bapa mereka pakar dalam hal tanam-menanam pokok. Mereka yakin akan berjaya menghasilkan pokok yang subur.

Bagaimana aku harus menanam benih pokok ini? Di mana harus aku tanam benih pokok ini? Bagaimana menjaga benih pokok agar boleh tumbuh dengan subur? Siapa yang boleh membantu aku dalam hal ini?

Pertanyaan demi pertanyaan bermain di mindanya. Sepanjang perjalanan pulang, otak Hazlan tidak henti-henti bertanya. Namun tidak ada satu jawapan pun yang muncul.


“Apa yang Hazlan fikirkan? Ibu melihat dari tadi Hazlan merenung jauh? Hazlan ada masalah? Beritahulah Ibu. Mungkin Ibu boleh membantu,” Mak Jun menegur anaknya.

Mak Jun risau melihat anaknya yang seolah-olah sedang menghadapi satu masalah yang besar. Dia melihat Hazlan membawa sesuatu pulang dalam beg plastik tetapi tidak pasti barang apa. Mungkinkah barang yang dibawa pulang petang tadi itu puncanya?

“Tidak ada apa-apa Ibu. Cuma petang tadi Cikgu Halim mengadakan mesyuarat dengan lapan murid di kelas termasuk Hazlan.” Hazlan mula menceritakan semua yang berlaku petang itu.

“Hazlan ingin menjadi ketua kelas? Jika Hazlan benar-benar ingin menjadi ketua kelas, Hazlan harus mula menanam dan menjaga benih yang Cikgu Halim beri. Itu amanah.”

“Baiklah ibu. Tapi Hazlan tidak tahu bagaimana hendak menanam benih ini. Boleh Ibu bantu Hazlan?” tanya Hazlan sambil menunjukkan benih yang diberikan oleh Cikgu Halim.



Setiap hari, Hazlan tidak lupa untuk menjaga dan menyiram air pada benih yang ditanam di dalam sebuah pasu yang diberikan oleh ibunya. Sambil menyiram air pada benih pokok itu, Hazlan bercakap-cakap dengan benih pokok itu. Kata ibunya, pokok juga seperti manusia. Jika kita sayang pada pokok itu, kita harus memberikan kata-kata **perangsang** agar pokok itu boleh tumbuh dengan subur.

“Ibu, puas Hazlan memujuk dan berkata-kata kepada benih pokok yang Hazlan tanam. Hazlan menyiramnya setiap hari tetapi sehingga kini masih belum tumbuh-tumbuh lagi,” Hazlan menyampaikan rasa kecewanya.

“Hazlan pasti benih pokok kawan-kawan yang lain sudah tumbuh dan membesar. Tentulah Hazlan tidak berpeluang dilantik sebagai ketua kelas,” keluh Hazlan.

“Hazlan jangan berputus asa. Hazlan harus terus ikhlas berusaha. Jika tidak berjaya setelah berusaha bersungguh-sungguh, itu takdir namanya,” Ibunya cuba memujuk agar anaknya **pasrah** dengan apa yang terjadi.



Hazlan membawa pasu yang diletaknya dalam sebuah kotak. Sampai sahaja di bilik darjah, Hazlan melihat rakan-rakannya membawa tumbuh-tumbuhan yang pelbagai saiz, jenis dan warna. Mereka kelihatan tersenyum-senyum bangga sambil menunjukkan pokok tanaman masing-masing.

Seperti yang dijanjikan, Cikgu Halim masuk ke kelas.


“Murid-murid, hari ini kita akan melantik ketua darjah. Sila ke hadapan apabila nama awak dipanggil. Terangkan kepada Cikgu apa yang awak lakukan dengan benih-benih yang Cikgu berikan.” Cikgu Halim memberikan arahan.

Nama kawan-kawan Hazlan dipanggil oleh Cikgu Halim satu persatu. Mereka ke hadapan membawa tumbuh-tumbuhan masing-masing. Ada yang mengatakan bahawa mereka telah membubuh baja yang bermutu tinggi. Ada pula yang mengatakan bahawa mereka telah menyediakan tanah yang terbaik. Ada pula yang

mengatakan bahawa mereka telah menyiram air dengan sukatan yang betul. Ada pula yang mengatakan mereka menggunakan teknik termoden untuk memastikan benih pokok mereka tumbuh. Pelbagai cara dan alasan yang diberikan oleh kawan-kawan Hazlan untuk menjelaskan bagaimana mereka menanam dan menjaga benih pokok yang diberikan oleh Cikgu Halim.

Tiba giliran Hazlan. Hazlan membawa kotak yang berisi pasu yang dibawanya. Hazlan mengeluarkan pasu dan meletakkannya di hadapan kelas. Rakan-rakan Hazlan yang lain mula ketawa apabila melihat pasu Hazlan tidak mengandungi apa-apa kecuali tanah.

Sambil terisak-isak, Hazlan menceritakan segala usahanya untuk cuba memastikan benih yang diberikan oleh Cikgu Halim tumbuh subur.



“Maafkan saya, Cikgu. Saya telah berusaha untuk menjaga dan menyuburkan benih pokok yang cikgu berikan. Namun saya tidak berjaya. Maafkan saya Cikgu.” Hazlan terisak-isak mengakhiri **penjelasannya**.

“Baiklah murid-murid. Terima kasih kerana telah memberikan penjelasan masing-masing.” Cikgu Halim memandang ke arah murid-muridnya.

“Cikgu lantik Hazlan sebagai ketua kelas.”

“Sebenarnya, benih pokok yang Cikgu berikan kepada kamu semua ialah benih pokok yang telah direbus. Benih pokok itu semuanya sudah mati.”

Semua murid terdiam mendengar penerangan Cikgu Halim.

### **Renungan**

Berkata benar dan bersikap jujur jauh lebih baik daripada berkata bohong atau mengada-ngadakan cerita yang tidak benar.

Apakah renungan kamu mengenai pemilihan murid sebagai ketua darjah yang dilakukan oleh Cikgu Halim?



## Glosari

1. **menyebarkan** – meluaskan (berita dll) ke serata tempat
2. **menghukum** – memberi keputusan (ketetapan dll) berdasarkan undang-undang (oleh hakim), memberik seksaan (kurungan dalam penjara dll) kerana berbuat kejahatan
3. **subur** – tumbuh dengan baik dan sihat
4. **perangsang** – galakan
5. **pasrah** – menyerah dan reda
6. **penjelasan** – keterangan (yang lebih jelas), huraian

## SEKALUNG BUDI

Akar keladi melilit selasih,  
Selasih tumbuh di hujung taman;  
Kalungan budi junjungan kasih,  
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih diucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyediakan wadah bagi penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru yang telah menyumbangkan karya cerpen mereka dalam penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu atau MLLPC kerana telah mentauliahkan program penyerapan bagi Guru Kanan bahasa Melayu Singapura dan membolehkan para guru mengikuti program penyerapan yang mencetuskan idea bagi penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam penerbitan dan lahirnya koleksi cerpen **Benih** sebagai wadah dan bahan bacaan bagi murid di sekolah rendah di Singapura.





Ministry of Education  
SINGAPORE

